

Maklumat Am Kempen Laporan Kebocoran Air Selangor

1. Kempen Laporan Kebocoran Air Selangor ("**Kempen**") dianjurkan oleh Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. ("**Air Selangor**").
2. Kempen ini akan bermula pada **1 Januari 2024** dan berakhir pada **31 Disember 2024** ("**Tempoh Kempen**"). Sebarang penyertaan yang diterima sebelum jam 12.00 tengah malam pada 1 Januari 2024 dan selepas jam 11.59 malam pada 31 Disember 2024 tidak akan diterima.
3. Air Selangor berhak untuk melanjutkan, menukar atau menangguhkan Kempen ini tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Semua peserta hendaklah mematuhi terma dan syarat Kempen ini sekiranya Kempen ini dilanjutkan, diubah atau ditangguhkan atas apa jua sebab sekalipun, melainkan dinyatakan sebaliknya.
4. Air Selangor berhak atas budi bicaranya sendiri, untuk mengubah, menambah, menukar, membuang atau meminda mana-mana terma dan syarat Kempen ini tanpa sebarang notis terlebih dahulu.

Kelayakan Am

1. Kempen ini terbuka kepada semua pengguna Air Selangor yang membuat satu (1) atau lebih laporan paip bocor/paip pecah/meter bocor/sambungan haram melalui aplikasi mudah alih Air Selangor.
2. Warga kerja Air Selangor **tidak layak** untuk menyertai Kempen ini.

Syarat-Syarat Penyertaan

1. Untuk mengambil bahagian, peserta hendaklah mengikuti langkah-langkah berikut:-
 - **Langkah 1** : Muat turun aplikasi mudah alih Air Selangor.
 - **Langkah 2** : Laporkan paip bocor/paip pecah/meter bocor/sambungan haram melalui aplikasi mudah alih Air Selangor.
2. Perkara berikut akan menyebabkan laporan seseorang individu tidak sah dan membatalkan penyertaan individu tersebut tanpa sebarang notis:
 - Gagal mematuhi mana-mana terma dan syarat Kempen ini; dan
 - sengaja menyebabkan paip bocor/paip pecah/meter bocor/sambungan haram dengan niat untuk menyertai Kempen ini.

Pemilihan Pemenang

Pemenang akan dipilih berdasarkan kriteria berikut:-

Pemenang Bulanan

- **Peringkat 1:** Pengguna Air Selangor yang telah membuat satu (1) atau lebih laporan melalui aplikasi mudah alih Air Selangor sepanjang Tempoh Kempen

- **Peringkat 2:** Laporan yang dibuat sepertimana dalam Peringkat 1 hendaklah tergolong di dalam 2,000 laporan terawal yang diterima bagi sesuatu bulan sepanjang Tempoh Kempen melalui aplikasi mudah alih Air Selangor; dan
- **Peringkat 3:** laporan tersebut telah disahkan dan diselesaikan oleh Air Selangor.

Syarat-Syarat Hadiah

1. Hadiah adalah dalam bentuk pin tambah nilai berjumlah RM5.00 bagi setiap pemenang yang memenuhi kriteria yang dinyatakan di atas.
2. Pemenang akan dimaklumkan melalui sistem khidmat pesanan ringkas (*short messaging system* - SMS).
3. Setiap peserta layak memenangi lebih dari satu (1) pin tambah nilai tersebut sepanjang Tempoh Kempen.
4. Pin tambah nilai hanya boleh dimuat semula sekali.
5. Pin tambah nilai bukan untuk dijual, tidak boleh dibayar balik, dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai.
6. Pin tambah nilai tidak sah dengan tawaran dan promosi lain.
7. Pin tambah nilai sah selama satu (1) tahun selepas dikeluarkan.

Terma dan Syarat Am

1. Dengan menyertai Kempen ini, peserta telah membaca dan memahami terma-terma Dasar Privasi Air Selangor ("**Dasar Privasi**") dan dengan ini bersetuju bahawa data peribadi peserta akan diproses mengikut Dasar Privasi. Dasar Privasi boleh dirujuk di <https://www.airselangor.com/privacy-notice/>
2. Dengan menyertai Kempen ini, peserta bersetuju untuk mengetepikan sebarang liabiliti, kerugian, hak untuk ganti rugi dan apa-apa jenis tuntutan dan tindakan berpunca daripada penerimaan, pemilikan, penggunaan atau penyalahgunaan hadiah, atau sebarang aktiviti yang berkaitan dengan hadiah, tidak terhad kepada, kecederaan, kematian dan kerosakan harta benda.
3. Sebelum menyertai Kempen ini, peserta hendaklah bertanggungjawab dalam memastikan maklumat dan butirannya dikemas kini dengan tepat melalui laman sesawang Air Selangor.
4. Penyertaan lewat selepas tamat Tempoh Kempen tidak akan diterima. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.
5. Air Selangor tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penyertaan lewat, hilang atau ketidaklayakan berpunca daripada apa jua sebab sekalipun.
6. Air Selangor tidak bertanggungjawab ke atas sebarang laporan yang tidak sah atau dibuat

dengan secara penipuan.

7. Air Selangor berhak untuk, atas budi bicaranya sendiri, membatalkan kelayakan mana-mana pemenang yang dipilih jika terdapat sebarang pelanggaran terma dan syarat Kempen ini. Air Selangor juga berhak untuk membatalkan penyertaan palsu atau penyertaan yang disyaki palsu pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen.
8. Keputusan Air Selangor dalam sebarang perkara berkaitan Kempen ini adalah muktamad. Sebarang rayuan atau semakan tidak akan dilayan.
9. Air Selangor berhak untuk mengubah, meminda dan/atau menukar proses, hadiah dan terma dan syarat Kempen ini, serta aspek lain Kempen ini sepanjang Tempoh Kempen tanpa sebarang notis awal.
10. Air Selangor, warga kerjanya dan pihak lain yang terlibat dalam penganjuran Kempen ini tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang insiden berikut:-
 - (a) campur tangan pihak yang tidak terlibat sepanjang Tempoh Kempen;
 - (b) sebarang kesilapan teknikal yang berkaitan dengan pendaftaran dan penyertaan; dan
 - (c) sebarang kerugian secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh penyertaan peserta dalam Kempen ini.
11. Air Selangor berhak untuk membatalkan sebarang pendaftaran yang tidak selari dengan proses dan cara pengurusan Kempen ini, atau pelanggaran atau percubaan untuk melanggar mana-mana terma dan syarat Kempen ini.
12. Air Selangor berhak untuk menolak, menukar atau menggantung sebarang pendaftaran Kempen ini jika berlaku keadaan yang tidak dijangka dan/atau di luar kawalan.
13. Dengan menyertai Kempen ini, peserta telah bersetuju untuk sesi fotografi dan videografi bersama Air Selangor, dan membenarkan Air Selangor menggunakan hasil sesi fotografi dan videografi tersebut bagi tujuan promosi, pengiklanan atau bagi tujuan lain yang besesuaian. Air Selangor berhak untuk menerbitkan sebarang gambar, video atau butiran peserta dalam media cetak atau elektronik untuk tujuan promosi, pengiklanan, publisiti dan pengumuman tanpa royalti dan/atau bayaran.

Peringatan: Terma dan syarat Kempen ini disediakan dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Jika terdapat sebarang perbezaan antara kedua-dua versi, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan. Untuk maklumat lanjut mengenai Kempen ini, anda boleh menghubungi Air Selangor melalui laman Facebook rasmi Air Selangor.